



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (K&P)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**11 JULAI 2019 (KHAMIS)**



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

**11 JULAI 2019 (KHAMIS)**

# Elak beli dengan peniaga 'pm tepi'

Orang ramai dinasihat pilih syarikat berdaftar dengan SSM sahaja

Oleh Siti Nur Mas Erah Amran  
maserah.amran@bh.com.my

**Kuala Nerang:** Orang ramai diingatkan supaya berhati-hati membeli produk dan perkhidmatan secara dalam talian, yang ditawarkan peniaga tidak berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menggunakan kaedah 'pm tepi' bagi mengelak tertipu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata peniaga terbabit didapati menggunakan semua platform media sosial untuk menjalankan

perniagaan masing-masing.

"Saya menasihati pengguna supaya selidik dan pastikan peniaga menawarkan barangan dan perkhidmatan menerusi laman yang betul-betul wujud.

"Bagaimanapun, ia tidak termasuk platform e-dagang seperti Shopee, Lelong dan Lazada kerana semuanya beroperasi secara sah.

"Sebaliknya, peniaga jenis 'pm tepi' perlu diberikan perhatian kerana mereka menggunakan semua platform media sosial untuk berniaga dan dikhuatiri pelanggan akan tertipu dengan tawaran diberikan," katanya.

Beliau bercakap pada sidang media selepas menghadiri Majlis Anugerah Kecemerlangan di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Nerang di sini, semalam.

Saifuddin Nasution berkata, peniaga berdaftar di bawah BizTrust menerusi SSM, diyakini tidak akan melakukan penipuan dan pelanggan boleh menjalankan urusan niaga dengan penuh keyakinan.

"SSM bertanggungjawab untuk memastikan syarikat berdaftar tidak akan memperdayakan pelanggan dalam talian," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, setiap aduan yang disiasat kementerian memerlukan prasyarat, yang mana notis perlu dihantar secara fizikal kepada penjual didakwa melakukan kesalahan itu.

Katanya, kementerian berdepan dengan kesulitan kerana perlu mencari dan mengesan penjual terbabit, kerana semuanya bergerak secara atas talian.

"Rang Undang-Undang (RUU) Perlindungan Pengguna (Pindaan) 2019 yang diluluskan, kelmarin, bertujuan meluaskan kuasa Tribunal Tuntutan Pengguna (TTP) dengan menaikkan jumlah tuntutan daripada RM25,000 kepada RM50,000.

"Kenaikan tuntutan itu juga saya anggap efektif kerana jumlah kes yang tertanggung amat sedikit membuatkan pelanggan rasa selamat dan dilindungi," katanya.

## Jangan 'pm tepi' peniaga



Saifuddin (dua dari kanan) menyempalkan anugerah kepada pelajar pada Majlis Hari Anugerah Kecemerlangan Kali Ke-20 SMK Kuala Nerang semalam.

**KUALA NERANG** - Orang ramai diminta berurusan dengan peniaga atas talian yang berdaftar dengan BizTrust di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi mengelakkan kes ditipu terus berulang.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pihaknya mengalami kesukaran untuk menjejaki peniaga yang menggunakan modus perniagaan suka 'pm tepi' apabila menerima aduan berlaku penipuan dalam urus niaga.

Menurutnya, pada era e-dagang yang semakin berkembang kini, aduan tentang penipuan atas talian juga meningkat.

"Pengguna juga diingatkan supaya menyelidik dengan betul latar belakang sesuatu syarikat.

Ini tidak menjadi masalah kepada perniagaan atas talian yang sudah stabil seperti Lazada dan Shopee.

"Yang menjadi masalah adalah jenis 'pm tepi' apabila ditanya berkenaan harga barang atau perkhidmatan oleh pelanggan," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar selepas Majlis Hari Anugerah Kecemerlangan Kali Ke-20 Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kuala Nerang di sini semalam.

Beliau mengulas mengenai 1,057 kes tuntutan penipuan pakej pelancongan dibawa ke Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) membabitkan jumlah tuntutan RM6.6 juta sejak 2016 hingga 31 Mei lalu.

Saifuddin berkata, pengguna boleh berurusan dengan yakin apabila peniaga sudah berdaftar dengan BizTrust.

## Cubaan seludup petrol gagal

*Seorang lelaki  
dicekup di stesen  
minyak  
berhampiran  
sempadan*

HAZELEN LIANA  
KAMARUDIN

RANTAU PANJANG

**S**eorang lelaki dicekup ketika mengisi petrol dalam keadaan mencurigakan di sebuah stesen minyak berhampiran

sempadan di sini petang kelmarin.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7, Superintendan Azhari Nusi berkata, lelaki itu ditahan oleh anggota penguatkuasa Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 Kuantan setelah dilihat mengisi petrol ke dalam tangki sebuah kereta jenis Proton Waja dalam tempoh yang lama.

Menurutnya, pihaknya tidak menolak kemungkinan lelaki berusia 33 tahun itu mengisi minyak petrol dalam jumlah yang banyak untuk diseludup ke negara jiran. "Enam tong plastik berisi petrol dijumpai di bahagian penumpang belakang



AZHARI

ketika pemeriksaan selain tangki minyak kenderaan didapati telah diubah suai.

"Terdapat 90 liter petrol dan nilai bahan api itu termasuk kenderaan dianggarkan RM10,000," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar di Markas Taktikal PGA di sini semalam.

Beliau berkata, kesemua barang rampasan diserahkan kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk siasatan lanjut mengikut Seksyen 21 (1) Akta Kawalan Bekalan 1961 manakala lelaki terbabit dibebaskan selepas diambil keterangan.



Tangki minyak kereta Proton Waja diubah suai untuk seludup petrol.

# Peniaga sawit dikompaun RM10,000

**Bacaan mesin penimbang kenderaan tidak tepat**

NOOR AINON MOHAMED YUSOF

PARIT BUNTAR

**S**eorang pemilik premis pembelian buah kelapa sawit dikenakan kompaun RM10,000 selepas didapati bacaan mesin penimbang kenderaannya tidak tepat dalam pemeriksaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) semalam.

Ketua Cawangan Pejabat KPDNHEP Parit Buntar, Mat Jidin Hassan berkata, pemerik-



Pegawai KPDNHEP memeriksa peralatan mesin penimbang kenderaan di premis pembelian buah kelapa sawit di Parit Buntar semalam.

saan dijalankan di premis yang membeli buah kelapa sawit daripada petani sekitar Selinsing dan Bagan Serai.

Menurutnya, operasi itu turut melibatkan 11 anggota dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia Wilayah Utara, Maj-

lis Daerah Kerian dan Metrology Corporation Malaysia Sdn Bhd Cawangan Taiping (MCM)

"Mesin penimbang kenderaan hendaklah dibuat penentusahan dengan MCM dalam tempoh tujuh hari. Kegagalan

milik untuk menjelaskan bayaran kompaun dan membuat penentusahan mesin penimbang kenderaan membolehkan beliau didakwa di mahkamah.

"Jika disabitkan kesalahan boleh dihukum denda sehingga RM40,000 atau dipenjara sehingga 3 tahun," katanya.

Mat Jidin berkata, perbuatan itu merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 20A(1)(e) Akta Timbang Dan Sukat 1972.

"Semua premis perniagaan kelapa sawit adalah diingatkan supaya menggunakan mesin penimbang kenderaan yang telah ditentusahkan dalam menjalankan aktiviti perniagaan.

"Penanam kelapa sawit yang meragui berat jualan hasil tanaman boleh membuat aduan kepada Pejabat KPDNHEP untuk tindakan selanjutnya," katanya.

**ISU / HAK PENGGUNA**

■ MAHU pihak berkuasa memantau harga minuman yang terlalu mahal di kebanyakan kedai kopitiam di seluruh negara. >KIAH